

Pemuda Umno diarah bantuh perangi dadah

ENCIK Anwar Ibrahim hari ini mengarahkan Pergerakan Pemuda Umno seluruh negara merangka rancangan bertindak bagi membantu kerajaan dalam usaha membasmi wabak dadah di negara ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia itu berkata, satu bahagian Pemuda Umno sebuah daerah/jajahan di setiap negeri hendaklah dipilih sebagai penyelarasan kepada rancangan itu.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Pemuda dan Wanita Umno bahagian Tumpat, di sini, Encik Anwar berkata, bahagian yang dipilih itu hendaklah merangka rancangan-rancangan

TUMPAT, JUMAAT

bagi membersihkan dan membasmi wabak dadah meliputi semua peringkat negeri berkenaan.

Data

Menurut beliau, melalui rancangan itu, Pemuda Umno, khususnya bahagian-bahagian berkenaan akan mengumpul segala data dan maklumat mengenai kegiatan wabak dadah, termasuk mengumpul senarai nama-nama mereka yang terbabit dalam aktiviti menyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Data-data dan maklumat itu akan dikumpul melalui cawangan-cawangan dan bahagian Pemuda Umno.

Menurut Encik Anwar, segala data dan maklumat itu berguna besar kepada pihak berwajib dalam usaha membasmi wabak dadah di negara ini.

Encik Anwar menegaskan, perlunya penyelarasan seumpama itu dalam rancangan dan gerakan membasmi kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara ini.

"Kita sedar, tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan kepada kerajaan semata-mata, ia adalah suatu kewajipan dan tanggungja-

wab bersama kerana ianya meliputi seluruh masyarakat Malaysia," ujarnya.

Beliau memberitahu pemberita-pemberita, rancangan tersebut sedang dilaksanakan oleh Pergerakan Pemuda Umno Perak dan bagi Kelantan akan diputuskan esok.

Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mahu setiap Pergerakan Pemuda Umno negeri melaksanakan rancangan yang dilancarkan itu.

Mengenai beberapa pembaharuan yang diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seperti kepemimpinan melalui teladan, konsep bersih, cekap dan amanah dan penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan dan pentadbiran negara, beliau menyeru setiap lapisan rakyat memberi perhatian berat dan memahaminya.

"Pembaharuan-pembaharuan ini tidak akan bermakna, jika kita tidak beri perhatian dan tidak memahaminya," ujarnya.

Encik Anwar berkata, Perdana Menteri sentiasa menasihatkan supaya rakyat memikirkan nasib di masa depan dan sedia menerima hakikat yang kita mempunyai kemampuan dan potensi dalam berbagai bidang sehingga boleh mewujudkan industri kereta sendiri.